

Headline	Lawatan negara Raja Salman beri impak		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 Mar 2017	Color	Black/white
Section	Letters	Circulation	171,663
Page No	12	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	195 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,541
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,623



# Lawatan negara Raja Salman beri impak

## SAUDARA PENGARANG,

**LAWATAN** negara Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al Saud ke negara ini selama empat hari mulai 26 Februari lalu telah memberi impak besar kepada negara ini sama ada secara umum mahupun khusus.

Impak secara umum ialah menerusi beberapa memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara wakil kedua-dua negara termasuk persetujuan Arab Saudi membuat pelaburan sebanyak RM30 bilion dalam projek Kompleks Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang, Johor.

Impak secara khususnya pula ialah persetujuan baginda mempertimbangkan permintaan

kerajaan Malaysia untuk menambah kuota haji daripada jumlah sedia ada kepada 30,000 orang.

Saya yakin hasil daripada kesemua MoU tersebut akan memberi banyak manfaat kepada Malaysia dan rakyat keseluruhannya manakala

pertambahan kuota haji pula akan memberi manfaat kepada umat Islam negara ini memandangkan jumlah mereka yang telah mendaftar haji pada masa ini telah mencecah 2.4 juta orang.

Difahamkan sebahagian mereka terpaksa menunggu giliran sehingga berpuluh-puluh tahun lamanya untuk mengerjakan haji. Ini disebabkan kuota haji yang diberikan oleh Arab Saudi kepada kita sebelum ini hanya sekitar 22,230 orang.

Cuma untuk musim haji tahun ini kerajaan Arab Saudi secara rasmi bersetuju mengembalikan semula kuota jemaah haji Malaysia kepada 27,900. Ini juga bagi saya adalah berita gembira untuk para jemaah haji kita. Sekurang-kurangnya jumlah jemaah haji kita untuk tahun ini bertambah lebih 5,000 orang jemaah.

Oleh itu adalah diharapkan permohonan kerajaan Malaysia melalui Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak agar kuota haji dinaikkan sehingga 30,000 orang akhirnya dipersetujui oleh Raja Salman.

Jika ini benar-benar berlaku sudah pasti lebih ramai jemaah kita akan ke tanah suci sekali gus memendekkan tempoh menunggu bagi mereka yang telah mendaftar

terutama golongan warga emas. Secara peribadi saya percaya Raja Salman akan mempertimbangkan permintaan ini dengan mengambil kira hubungan akrab antara Malaysia dan Arab Saudi yang telah lama terjalin.

Dalam konteks ini saya kira penghargaan wajar diberikan kepada kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kerana berjaya menjalinkan hubungan dua hala yang sungguh baik dalam pelbagai bidang dengan Arab Saudi yang dilihat mampu memberi faedah besar kepada negara dan rakyat negara ini secara keseluruhan.

**SALLEH SAAD**

Kepala Batas, Pulau Pinang